



PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA
(Malaysian Red Crescent Society)

BUKU PANDUAN NO. 9

PERATURAN PERKHEMAHAN PBSMM

PRINSIP-PRINSIP ASAS PERGERAKAN PALANG MERAH DAN BULAN SABIT MERAH

KEMANUSIAAN

Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah dilahirkan dengan hasrat untuk memberi pertolongan tanpa diskriminasi kepada mereka yang cedera di medan pertempuran dan berusaha untuk mencegah dan meringankan kesengsaraan di mana jua ianya wujud. Tujuannya adalah untk melindungi nyawa dan kesihatan serta hormat-menghormati sesama manusia. Ia memupuk kesefahaman, persahabatan, kerjasama dan kedamaian yang berkekalan dalam kalangan manusia.

KESAKSAMAAN

Tidak membezakan bangsa, kaum, agama, darjat atau fahaman politik dalam kegiatannya. Tujuan asasnya ialah meringankan kesengsaraan individu dan memberi keutamaan kepada kes-kes kecemasan yang paling serius.

KEBERKECUALIAN

Untuk terus mendapat kepercayaan orang ramai terhadapnya, Persatuan tidak menyebelahi mana-mana pihak yang bermusuhan dan tidak menyertai pertikaian yang bercorak politik, perkauman, agama ataupun ideologi.

KEBEBASAN

Walaupun berupa badan tambahan kepada pihak yang berkuasa awam dan tertakhluk kepada undang-undang Negara, Persatuan tetap menjaga otonominya supaya ia boleh bertindak mengikut prinsip pergerakan.

KHIDMAT SUKARELA

Ia merupakan badan sukarela yang tidak didorong oleh sebarang tujuan mencari untung.

KETUNGGALAN

Hanya ada satu Persatuan Palang Merah atau Bulan Sabit Merah dalam sesebuah Negara. Persatuan ini hendaklah terbuka kepada semua pihak dan aktivitinya meliputi seluruh Negara.

KESEJAGATAN

Gerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa meliputi seluruh dunia, di mana semua Persatuan mempunyai taraf dan tanggungjawab yang sama serta saling bantu-membantu antara satu sama lain.

KANDUNGAN

BIL

PERKARA

MUKA SURAT

BAHAGIAN I

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN PERTOLONGAN CEMAS

1. Pengenalan	1 - 2
2. Am	3
3. Kelayakan Pasukan Bantuan Sukarela	4
4. Kelayakan Unit Belia	4
5. Pakaian Seragam	4
6. Kad Pengenalan Bulan Sabit Merah	5
7. Butir-butir mengenai Peserta	5
8. Ahli Simpanan	5
9. Pemberian Markah	5
10. Masa yang dihadkan	5
11. Hakim	6
12. Panel Juri Rayuan	6
13. Kembaran A hingga K	7 - 29

BAHAGIAN II

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN ASPEK PERKHEMAHAN

1. Am	30
2. Hiasan Perkhemahan	30
3. Peralatan Khemah	31
4. Pemberian Markah – Perkhemahan	31
5. Persembahan Kebudayaan	31
6. Pemberian Markah – Kebudayaan	32
7. Larian Berhalangan	32
8. Pemberian Markah – Larian Berhalangan	32
9. Senarai Semak Jawatankuasa Penganjur - 36	33
10. Senarai Alamat-alamat Cawangan - 38	37

KEM DWI TAHUNAN DAN PERTANDINGAN PERTOLONGAN CEMAS KEBANGSAAN


PENGENALAN

Latar Belakang

1. Acara dwi tahunan yang pada khususnya dinamakan Pertandingan Pertolongan Cemas Kebangsaan PBSMM telah bermula pada tahun 1967. Tujuan pertandingan ini adalah untuk meninggikan pengetahuan Pertolongan Cemmas dan pada masa yang sama memupuk semangat persefahaman dan kebersatuan dalam kalangan anggota-anggota. Walau bagaimanapun, melalui pengalaman kita beberapa tahun lampau, tujuan bagi memupuk persefahaman dan kebersatuan tidak pernah tercapai seperti yang diharapkan, tetapi hanya berkesudahan dengan pengalaman yang pahit dan sesuatu yang tidak diinginkan.
2. Bagi menangani masalah ini, pada tahun 1992 dalam pertandingan di Pantai Balok, Kuantan, aspek perkhemahan telah disepadukan dalam acara khususnya untuk menggalakkan perhubungan yang lebih baik dan semangat setiakawan dalam kalangan anggota. Didapati ianya berjaya dan justeru itu, konsep baru ini telah dicuba sekali lagi pada tahun 1994 di pertemuan yang diadakan di Taman Rimba Templer.

Persetujuan

3. Perkara-perkara yang telah dipersetujui adalah:-
 - a. Acara tersebut dengan rasminya dipanggil “Kem Dwi Tahunan PBSMM dan Pertolongan Cemas Kebangsaan”.
 - b. Ianya mengandungi DUA aspek:
 - i. Pertandingan Pertolongan Cemas
 - ii. Aspek-aspek Perkhemahan
 - c. Kedua-dua pertandingan akan diadakan seiring dan serentak
 - d. Berikut adalah perkara-perkara yang akan dimuatkan dalam aspek-aspek perkhemahan:
 - i. Hiasan Perkhemahan
 - ii. Persembahan Kebudayaan
 - iii. Larian Berhalangan



Dipertandingkan

- iv. Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa
 - v. Projek Gotong-Royong
 - vi. Lawatan
- } Aktiviti perkhemahan yang tidak dipertandingkan tetapi akan diadakan jika ada kesempatan
- e. Pertandingan Pertolongan Cemas dan Aspek Perkhemahan adalah aktiviti berasingan. Walau bagaimanapun bagi meraih Johan Keseluruhan pencapaian bagi kedua-dua acara tersebut akan diambil kira.
 - f. Undang-undang dan peraturan yang berikut merupakan undang-undang dan Peraturan yang terkini yang akan dilaksanakan serta-merta dan menggantikan Buku Panduan No. 9 yang lama.

BAHAGIAN I

PERTANDINGAN PERTOLONGAN CEMAS (PBS DAN BELIA)

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN BAGI PERTOLONGAN CEMAS KEBANGSAAN

1. Pertandingan Pertolongan Cemas Kebangsaan adalah terbuka kepada semua Cawangan dan diadakan dua tahun sekali pada tarikh dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Eksekutif Kebangsaan (NEC)
2. Cawangan akan dilantik secara bergilir-gilir untuk menjadi Tuan Rumah (Hos) bagi pertandingan ini.
3. Pertandingan ini terbahagi kepada dua kumpulan iaitu kumpulan PBS dan kumpulan Belia.

Syarat-syarat Pertandingan

Am

4. Cawangan boleh mengambil bahagian dengan menghantar dua Pasukan untuk bertanding dalam kedua-dua kumpulan berikut:-
 - a. Kumpulan PBS
 - b. Kumpulan Belia
5. Tiap-tiap pasukan hendaklah mengandungi seramai ENAM orang anggota terdiri daripada:
 - a. Pemimpin - 1 (anggota yang terkanan dari segi pangkat atau keanggotaan)
 - b. Anggota - 4
 - c. Anggota Simpanan - 1
6. Peserta pasukan yang pernah menjadi Johan, Naib Johan dan menduduki tempat ketiga dalam sesuatu kumpulan dalam pertandingan-pertandingan yang lalu tidak dibenarkan mengambil bahagian lagi kecuali seorang sahaja yang boleh dikekalkan dalam pasukan yang akan bertanding.
7. Doktor, Penuntut Perubatan, Pembantu Perubatan, Jururawat, Jurulatih atau Pegawai PBSMM tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini.

Kelayakan Peserta Pasukan Bantuan Sukarela (PBS)

8. Pasukan PBS hendaklah mengandungi anggota PBS yang berusia 18 tahun ke atas pada 1hb Januari pada tahun pertandingan idan telah menjadi anggota PBSMM tidak kurang dari 2 tahun.
9. Tiap-tiap peserta PBS hendaklah sekurang-kurangnya lulus peperiksaan Pertolongan Cemas Asas

Kelayakan Peserta Unit Belia

10. Pasukan Belia hendaklah mengandungi anggota-anggota yang berusia tidak lebih daripada 18 tahun pada 1hb Januari tahun pertandingan dan telah menjadi anggota PBSMM tidak kurang dari 2 tahun.
11. Tiap-tiap peserta unit Belia hendaklah lulus peperiksaan Pertolongan Cemas Peringkat Sekolah.

Pakaian Seragam (Buku Panduan No. 5)

12. Pakaian Seragam bagi Pertandingan adalah seperti berikut:-

Lelaki PBS/Belia - Kembaran A/Lampiran 1 kepada Kembaran A

Wanita PBS/Belia - Kembaran B/Lampiran 1 kepada Kembaran B

13. Pakaian Seragam PBSMM semasa bertanding hendaklah lengkap dan betul seperti terkandung dalam peraturan-peraturan pakaian seragam PBSMM.
14. Peserta Pasukan Pertolongan Cemas dan Kawad Kaki wanita memilih salah satu bentuk di atas dan bukan pakaian seragam yang bercampuran (berbagai corak) reka bentuk.

Kad Pengenalan Bulan Sabit Merah (Kad Keanggotaan)

15. Setiap anggota Pasukan Bantuan Sukarela (PBS) hendaklah memiliki kad pengenalan Persatuan Bulan Sabit Merah yang sah dan ditandatangani oleh Pengarah Cawangan. Mereka juga hendaklah membawa bersama Kad Pengenalan Kebangsaan mereka.

16. Oleh sebab anggota-anggota Belia tidak dikeluarkan sebarang kad pengenalan PBSMM, pengesahan mereka sebagai anggota belia yang mewakili sesuatu unit hendaklah dibuat dengan memenuhkan Borang seperti di Kembaran E dalam buku panduan ini

Butir-butir Mengenai Peserta

17. Nama-nama peserta pasukan Pertolongan Cemas dengan butir-butir yang diperlukan mesti disahkan oleh Pengarah Cawangan dan dihantar ke Ibu Pejabat Kebangsaan sebelum tarikh tutup yang ditetapkan oleh Ibu Pejabat Kebangsaan, permohonan hendaklah dibuat melalui Kembaran F seperti dalam Buku Panduan ini.

Anggota Simpanan

18. Anggota simpanan akan mengambil bahagian dalam:
- Pertandingan pakaian seragam dan kawad kaki bersama-sama anggota yang lama
 - Pertandingan Pertolongan Cemas jika ada anggota yang lain tiba-tiba jatuh sakit dan disahkan oleh Pegawai Perubatan Kem.

Pemberian Markah

19. Markah penuh bagi ujian-ujian adalah seperti berikut:

a. Ujian Pemeriksaan Pakaian Seragam markah	-	100
b. Ujian Kawad Kaki markah	-	100
c. Ujian Perseorangan (Bertulis) markah	-	100
d. Ujian Perseorangan (Praktikal) markah	-	100
e. Ujian Berpasukan <u>markah</u>	-	<u>200</u>
<u>markah</u>	Jumlah	: <u>600</u>

20. Format pemberian bagi ujian-ujian di atas adalah seperti Kembaran G hingga K

Masa Yang Dihadkan

21. Jangka masa bagi sesuatu ujian adalah seperti berikut:

- | | | |
|--|---|----------|
| a. Ujian Pemeriksaan Pakaian Seragam | - | 5 minit |
| b. Ujian Kawad Kaki | - | 10 minit |
| c. Ujian Perseorangan (Bertulis) | - | 60 minit |
| d. Ujian Perseorangan (Praktikal Setiap Calon) | - | 5 minit |
| e. Ujian Berpasukan | - | 20 minit |
| f. Ujian Lisan Berpasukan | - | 5 minit |

Hakim-Hakim

22. Para Hakim yang akan mengadili kedua-dua kategori pertandingan adalah seperti berikut:

- Hakim-hakim bagi Ujian-ujian Pertolongan Cemas mestilah terdiri daripada doktor, pembantu perubatan, jururawat yang bertauliah dairpada pertubuhan uyang berkecuali.
- Hakim-hakim bagi ujian Pakaian Seragam dan Kawad Kaki mestilah terdiri daripada anggota-anggota tentera atau polis.

Keputusan Jemaah Hakim

23. Segala keputusan Jemaah Hakin adalah muktamad

Panel Juri Rayuan

24. Sekiranya ada bantahan, Pengurus Pasukan hendaklah mengemukakan rayuan raskmi bertulis dalam tempoh 15 minit selepas setiap acara pertandingan tersebut kepada Panel Juri Rayuan. Pasukan yang membuat bantahan rasmi hendaklah menyertakan wang deposit sebanyak RM 1000/-. Keputusan yang dibuat oleh Panel Juri Rayuan adalah muktamad. Wang pendahuluan pasukan yang mengemukakan bantahan akan dipulangkan semula bila mana segala bantahan diterima dan didapati berasas. Sebaliknya jika didapati tidak berasas, wang pertaruhan tersebut tidak akan dikembalikan.

KEMBARAN

Kembaran A - Pakaian Seragam (PBS/Belia) No. 2 Lelaki

Kembaran B - Pakaian Seragam (PBS/Belia) No. 2 Wanita

Kembaran C - Pengisytiharan Anggota Unit Belia

Kembaran D - Borang Penyertaan Pertandingan Pertolongan Cemas Kebangsaan

Kembaran E - Panduan Pemberian Markah Pakaian Seragam

Kembaran F - Panduan Pemberian Markah Kawad Kaki

Kembaran G - Panduan Pemberian Markah Bagi Ujian Pertolongan Cemas (Teori)

Kembaran H - Panduan Pemberian Markah Bagi Ujian Pertolongan Cemas (Praktikal)

Kembaran I - Panduan Pemberian Markah Bagi Ujian Berpasukan Pertolongan Cemas
(Team Test)

Kembaran J - Isi Kandungan Kotak Pertolongan Cemas


Kembaran K - Hukum Kawad Kaki


LAMPIRAN 1

KEPADA KEMBARAN A

PAKAIAN KERJA (PBS/BELIA)

NO. 2 – LELAKI

BERET HITAM		LENCANA LOGAM BSM
TAG NAMA		MEDAL REBEN
TANDA NEGERI		LANDYARD TIDAK BERBUNGA HOOK & WISEL
LAMBANG BSM		9 BUTANG KECIL BSM
POKET ATAS		3 DI BAHU
BAJU PUTIH LENGAN PENDEK		2 DI POKET ATAS
TALIPINGGANG NYLON PUTIH DENGAN LAMBANG BSM		5 DI BAJU
SELUAR PUTIH LURUS DUA POKET SERONG HADAPAN DAN SATU POKET BELAKANG	PBS KASUT KULIT HITAM DAN STOKIN HITAM BELIA KASUT / STOKIN SERDLAH	



PAKAIAN KERJA (PBS/BELIA) NO. 2 LELAKI


1. Mengandungi:
 - a. Kemeja putih masuk ke dalam
 - b. Seluar panjang putih – Lurus tiada lipatan sebelah bawah dan satu poket di belakang sebelah kanan
 - c. Beret Hitam dan Lencana Topi Seragam PBSMM daripada Logam (Metal Cap Badge)
 - d. Tag Nama – Hitam dengan tidak lebih 9 huruf berwarna putih berukuran ½ inci tinggi
 - e. Lambang Negeri
 - f. Lambang Bulan Sabit Merah
 - g. 6 butang kecil Bulan Sabit
 - h. Lanyard Hitam bersama hook dan wisel
 - i. Tali pinggang putih nylon dengan Lambang Bulan Sabit Merah Malaysia di tengah
 - a. Kasut hitam bertali dan stoking hitam (untuk PBS). Boot tidak dibenarkan. Tapak kasut tidak dibenarkan dibubuh paku
 - b. Kasut kanvas putih dan stoking putih (untuk belia)
2. Serban untuk Kaum Sikh
 - Hitam dan Lencana Topi Seragam PBSMM daripada Logam (Metal Cap Badge)
3. Cara memakai lihat pada Lampiran 1 kepada Kembaran A

LAMPIRAN 1

KEPADA KEMBARAN B

PAKAIAN KERJA (PBS/BELIA)

(WANITA) NO. 4A SELUAR

BERET HITAM		LENCANA LOGAM BSM
KAIN YANG SAMA DI JAHIT LIPAT 2 INCI		MEDAL REBEN
TAG NAMA		LANDYARD TIDAK BERBUNGA
TANDA NEGERI		9 BUTANG KECIL BSM
LAMBANG BSM		2 DI BAHU 2 DI POKET 5 DI JAKET
2 POKET ATAS		
JAKET LENGAN PANJANG PUTIH		
BUTANG KETIP DI SEBELAH DALAM		
SELUAR PANJANG LURUS PUTIH / SARUNG PUTIH		PBS KASUT KULIT HITAM TUMIT RATA DAN STOKIN HITAM
		BELIA KASUT / STOKIN SEKOLAH



PAKAIAN KERJA (PBS/BELIA) WANITA NO. 4A SELUAR

1. Mengandungi:
 - a. Blaus lengan pendek putih, masuk ke dalam (dua poket atas sebelah kiri dan kanan)
 - b. Seluar panjang putih – Lurus tiada lipatan sebelah bawah dan satu poket di belakang sebelah kanan
 - c. Beret Hitam dan Lencana Topi Seraham PBSMM daripada Logam (Metal Cap Badge)
 - d. Bahagian Bahu – Kain yang sama dijahit lipatan 2 inci
 - e. Lanyard Hitam bersama hook dan wisel
 - f. Tag Nama – Hitam dengan tidak lebih 9 huruf berwarna putih berukuran ½ inci tinggi
 - g. Lambang Negeri
 - h. Lambang Bulan Sabit Merah
 - i. 5 butang kecil Bulan Sabit
 - j. Tali pinggang putih nylon dengan Lambang Bulan Sabit Merah Malaysia di tengah
 - k. Kasut hitam bertali dan stokin hitam (untuk PBS). Boot tidak dibenarkan. Tapak kasut tidak dibenarkan dibubuh paku
 - l. Kasut kanvas putih dan stoking putih (untuk belia)

2. Cara memakai lihat pada Lampiran 1 kepada Kembaran B



PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA
(Malaysian Red Crescent Society)

PENGISYTIHARAN ANGGOTA UNIT BELIA

Cawangan: Cabang: Unit Belia:

Nama Penuh: Jantina:

Tarikh Lahir: Tempat Lahir:

Ras: No. Kad Pengenalan:

Alamat (Rumah):
.....
.....

Alamat (Sekolah):
.....
.....

Nama Anggota Keluarga terdekat:
.....

Hubungan: No. Telefon Anggota Keluarga:

Kelayakan Sijil Pertolongan Cemas:
.....
.....

PENGESAHAN PEGAWAI BELIA

Tarikh:..... Tandatangan:

Penolong Pengarah Belia Cawangan



PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA
(*Malaysian Red Crescent Society*)

BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN PERTOLONGAN CEMAS
KEBANGSAAN

Cawangan:
Cabang: No. PBS:
Nama Peserta:
Jantina: Ras:
Tarikh Lahir: No. K/P:
No. Kad Keanggotaan PBSMM:
Jawatan dalam PBSMM:

Lampirkan Gambar
Tiga Keping

Alamat:

Kelayakan Sijil Pertolongan Cemas:
.....
.....

PENGESAHAN CAWANGAN

.....
Pengarah Cawangan	Setiausaha Kehormat Cawangan	Penolong Pengarah PBS Cawangan

KEMBARAN E

PERTANDINGAN PERTOLONGAN CEMAS KEBANGSAAN

CAWANGAN: **CABANG:**

NO. UNIT BELIA:

NO. UNIT PASUKAN BANTUAN SUKARELAWAN:

PANDUAN PEMBERIAN MARKAH BAGI PAKAIAN SERAGAM

	MARKAH MAKSIMUM	MARKAH DIPEROLEHI
ANGGOTA NO. 1 (KETUA)	20	
ANGGOTA NO. 2	10	
ANGGOTA NO. 3	10	
ANGGOTA NO. 4	10	
ANGGOTA NO. 5	10	
ANGGOTA NO. 6	10	
KEKEMASAN AM PASUKAN	30	
JUMLAH	100	

Markah akan dibahagikan kepada Pemeriksaan Beret/Lencana Topi/Pakaian Seragam Kasut dan Stokin, Lanyard/ Lambang Bulan Sabit Merah dan Kad Pengenalan Bulan Sabit Merah/ Kad Pengenalan Kebangsaan.

Tandatangan Hakim-hakim:

.....

Nama:

.....

Nama:

.....

Nama:

KEMBARAN F

PERTANDINGAN PERTOLONGAN CEMAS KEBANGSAAN

CAWANGAN: **CABANG:**

NO. UNIT BELIA:

NO. UNIT PASUKAN BANTUAN SUKARELAWAN:

PANDUAN PEMBERIAN MARKAH BAGI KAWAD KAKI

	MARKAH MAKSIMUM	MARKAH DIPEROLEHI
ANGGOTA NO. 1 (KETUA)	20	
ANGGOTA NO. 2	10	
ANGGOTA NO. 3	10	
ANGGOTA NO. 4	10	
ANGGOTA NO. 5	10	
ANGGOTA NO. 6	10	
KEKEMASAN KESELURUHAN DAN KOORDINASI KECEKAPAN LUAR BIASA DAN PERTUNJUKAN	30	
JUMLAH	100	

Markah akan dibahagikan kepada Pemeriksaan Beret/Lencana Topi/Pakaian Seragam Kasut dan Stokin, Lanyard/ Lambang Bulan Sabit Merah dan Kad Pengenalan Bulan Sabit Merah/ Kad Pengenalan Kebangsaan.

Tandatangan Hakim-hakim:

.....

Nama:

Nama:

Nama:

PERTANDINGAN PERTOLONGAN CEMAS KEBANGSAAN

PANDUAN PEMBERIAN MARKAH BAGI UJIAN PERTOLONGAN CEMAS (TEORI)

BELIA/DEWASA

MARKAH MAKSIMUM BAGI SETIAP PASUKAN IALAH 100

Masa: 60 minit

NOTA:

1. Semua anggota daripada setiap pasukan (kecuali anggota simpanan) adalah dikehendaki menduduki ujian ini.
2. Kertas soalan teori dibahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B

	MARKAH MAKSIMUM	MARKAH DIPEROLEHI
<u>BAHAGIAN A</u> Soalan berbentuk objektif berasaskan kepada persoalan "AM"	50	
<u>BAHAGIAN B</u> Soalan yang berbentuk objektif berasaskan kepada Kajian Kes (Case Study)	50	

Soalan-soalan adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

- a. Struktur dan Fungsi Tubuh Badan
- b. Pernafasan
- c. Peredaran
- d. Renjatan
- e. Pemulihan Jantung dan Paru-paru (CPR)
- f. Patah
- g. Luka-luka dan Kecederaan Sukan
- h. Terbakar
- i. Berbagai-bagai

PERTANDINGAN PERTOLONGAN CEMAS KEBANGSAAN

PANDUAN PEMBERIAN MARKAH BAGI UJIAN PERSEORANGAN PERTOLONGAN CEMAS (PRAKTIKAL)

BELIA/DEWASA

MARKAH MAKSIMUM BAGI SETIAP peserta

Masa: 5 minit setiap

PASUKAN IALAH 100

	MARKAH MAKSIMUM	MARKAH DIPEROLEHI
<p><u>Kotak Pertolongan Cemas</u></p> <p>Setiap peserta dikehendaki:</p> <ol style="list-style-type: none">Mengenali kandungan kotak Pertolongan Cemas (1 markah)Mengetahui kegunaannya (1 Markah)Mengaturkan alatan-alatan untuk berbagai jenis luka. Contohnya: Mengambil alatan untuk rawatan luka di tangan (3 Markah) <p>Markah penuh bagi setiap peserta adalah 5</p>	25	
<p><u>Balutan-Balutan</u></p> <p>Setiap peserta dikehendaki menggunakan dan memakai balutan-balutan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">Anduh KecilAnduh BesarAnduh Tiga SegiBalutan CincinPatah Tulang PehaPatah Tulang Kering/BetisBalutan Mata <p>Setiap peserta dikehendaki menggunakan dua di antara balutan-balutan di atas</p>	25	

Markah penuh bagi setiap peserta adalah 5		
<p><u>Mengendalikan Kes</u></p> <p>Setiap peserta akan diberikan kes seperti CPR, patah, tercekik, pitam dan sebagainya. Peserta dikehendaki menunjukkan:</p> <ol style="list-style-type: none"> Cara mengatasinya (1 Markah) Pemeriksaan dan diagnosis (2 Markah) Mengendalikan pesakit (3 Markah) <p>Markah penuh bagi setiap peserta adalah 6</p>	30	
<p><u>Ketua Pasukan</u></p> <p>Ketua akan diuji secara lisan ke atas topic seperti renjatan, terbakar, peredaran, keracunan, patah dan sebagainya.</p>	20	
JUMLAH :	100	

Nota:

Semua markah di dalam petak adalah markah maksimum yang diperuntukkan bagi perkara tersebut

PERTANDINGAN PERTOLONGAN CEMAS KEBANGSAAN

PANDUAN PEMBERIAN MARKAH BAGI UJIAN BERPASUKAN PERTOLONGAN CEMAS (TEAM TEST)

BELIA/DEWASA

MARKAH MAKSIMUM BAGI SETIAP PASUKAN IALAH 200

Masa: 20 minit

	MARKAH MAKSIMUM	MARKAH DIPEROLEHI
<u>KEPIMPINAN</u> <ul style="list-style-type: none">- Membuat taksiran peristiwa (3 markah)- Keutamaan memberi rawatan (4 markah)- Pembahagian tugas (5 markah)- Kekemasan dan kecepatan rawatan penglibatan yang betul (8 markah)	20	
<u>KERJA BERPASUKAN</u> <ul style="list-style-type: none">- Mengenali jenis kecederaan (termasuk menyoal orang-orang cedera) (5 markah)- Memberi perangsang (5 markah)- Kekemasan, kepercayaan dan cara-cara (10 markah)	20	
<u>PENGGUNAAN TELEFON</u> <ul style="list-style-type: none">- Kepadatan dan kejelasan berita mengenai kemalangan (2 markah)- Identiti perseorangan (1 markah)- Keadaan orang-orang cedera (2 markah)- Berapa ramai orang cedera (2 markah)	10	

<ul style="list-style-type: none"> - Kenis Kecelakaan (2 markah) - No. Telefon (1 markah) 		
<p><u>PEMERIKSAAN DAN PENGURUSAN PESAKIT (CONTOH KES)</u></p> <p><u>PESAKIT 1</u></p> <p>Luka tembus di bahagian kiri dada dengan pisau dari luar. Luka yang dalam di bahagian gelang tangan kanan. Luka terhiris di bahagian kiri dahi. Darah melimpah dan dalam keadaan terkejut.</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Pemeriksaan dan mengenal pasti luka-luka (3 markah) b. Memberi perangsang kepada pesakit (4 markah) c. Pengurusan luka dalam di bahagian gelang tangan dengan meninggikan tangan (4 markah) d. Luka terhiris kepada dahi (4 markah) e. Luka di dada (jangan cabut pisau) (5 markah) f. Renjatan (5 markah) g. Kebijaksanaan keseluruhan, kepantasan dan kekemasan (5 markah) 	30	
<p><u>PESAKIT 2</u></p> <p>Patah terbuka kepada tulang-tulang tibia/fibula dan pesakit tidak sedar diri dan telinga kanannya berdarah.</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Pemeriksaan dan mengenal pasti luka-luka (5 markah) b. Memastikan tahap kesedaran (4 markah) c. Pengurusan tidak sedar diri (6 markah) d. Pengurusan telinga kanan berdarah (3 markah) e. Pengurusan patah terbuka (4 markah) f. Balutan dan ikatan yang betul (3 markah) g. Kebijaksanaan keseluruhan, kepantasan dan kekemasan (5 markah) 	30	

<p><u>PESAKIT 3</u></p> <p>Luka tembus (gunshot wound) di perut kanan. Tiada luka di luar. Patah terbuka di tangan kanan – renjatan ringan.</p> <p>a. Pemeriksaan dan mengenal pasti luka-luka (4 markah)</p> <p>b. Memberi perangsang kepada pesakit (4 markah)</p> <p>c. Pengurusan luka tembus (gunshot wound) (4 markah)</p> <p>d. Rawatan patah terbuka bahagian tangan kanan (6 markah)</p> <p>e. Pengurusan renjatan ringan (6 markah)</p> <p>f. Kebijaksanaan keseluruhan, kepantasan dan kekemasan (6 markah)</p>	30	
<p><u>PENGANGKUTAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> - Penyediaan Pengusung (4 markah) - Meletakkan dan membawa pesakit (6 markah) 	10	
<p><u>SOALAN LISAN DAN AM</u></p> <p>10 markah bagi setiap peserta</p>	50	
JUMLAH :	200	

Nota:

Semua markah di dalam petak adalah markah maksimum yang diperuntukkan bagi perkara tersebut

PERTANDINGAN PERTOLONGAN CEMAS KEBANGSAAN

ISI KANDUNGAN KOTAK PERTOLONGAN CEMAS

- | | |
|--------------------------------------|-------------|
| 1. Gulungan Kapas (2 oz bungkus) | - 1 bungkus |
| 2. Pembalut Gulungan 3" x 6 ela | - 4 gulung |
| 3. Pembalut Gulungan 2" x 6 ela | - 4 gulung |
| 4. Pembalut Gulungan 1" x 6 ela | - 4 gulung |
| 5. Elastoplast 1" x 3 ela | - 1 gulung |
| 6. Gunting | - 1 pasang |
| 7. Anduh Tiga Segi | - 5 helai |
| 8. Kain Kasa (Sterile Gauze) | - 2 bungkus |
| 9. Ubat Eusol (Eusol Solution) | - 2 oz |
| 10. Pin Penyemat | - 12 keping |
| 11. Buku Nota | - 1 buah |
| 12. Pensil dan Pen | - 1 batang |
| 13. Mouth Piece (2 hala) | - 1 buah |
| 14. Sarang Tangan Getah | - 2 pasang |

HUKUMAN KAWAD PERTANDINGAN
FORMAT PERTANDINGAN KAWAD KAKI

KETUA

Melapor diri kepada Ketua Pengadil – Skuad hendaklah sedia. Hormat – Selamat pagi tuan. Pasukan dari berbaris seramai Orang siap untuk membuat ujian tuan.

Selesai melapor – minta kebenaran menjalankan tugas tuan. Hormat – pusing dan terus ketua skuad memberi hukum kawad (ujian bermula)

Hukuman

Masa: 10 minit

1. Senang diri
2. Skuad sedia
3. Ke kanan lurus – pandang depan
4. Nombor
5. Bergerak ke kanan dalam satu barisan, ke kanan pusing
6. Skuad akan menghadap ke hadapan, ke kiri pusing
7. Bergerak ke kiri dalam satu barisan, ke kiri pusing
8. Skuad akan menghadap ke hadapan, ke kanan pusing
9. Skuad akan menghadap ke belakang, ke belakang pusing
10. Skuad akan menghadap ke hadapan, ke belakang pusing
11. Bergerak ke kanan/kiri dalam satu barisan, ke kanan/ke kiri pusing
12. Dari kanan (kalau ke kiri pusing) – dari kiri (kalau ke kanan pusing), cepat jalan
13. Skuad henti
14. Bergerak ke kanan/ke kiri dalam satu barisan, belakang pusing
15. Dari kanan/kiri cepat jalan
16. Skuad henti
17. Bergerak ke kanan/ke kiri dalam satu barisan, belakang pusing
18. Dari kanan/kiri cepat jalan
19. Skuad henti (henti di tengah-tengah ketua skuad)
20. Skuad akan menghadap ke hadapan ke kanan/ke kiri, pusing
21. Skuad akan menghadap ke belakang, ke belakang pusing
22. Dari tengah cepat jalan
23. Skuad akan menghadap ke hadapan, ke belakang pusing
24. Hormat, hormat ke hadapan, hormat
25. Hentak kaki

26. Skuad henti
27. Skuad akan menghadap ke hadapan, ke belakang pusing
28. Dari tengah cepat jalan
29. Skuad henti (berhenti di tengah-tengah skuad)
30. Bergerak ke kanan, dalam satu barisan, ke belakang pusing
31. Dari kiri perlahan jalan
32. Bergerak ke kiri dalam satu barisan, ke belakang pusing
33. Bergerak ke kanan dalam satu barisan, ke belakang pusing
34. Skuad henti (berhenti di tengah-tengah skuad)
35. Skuad akan menghadap ke hadapan, ke kiri, pusing
36. Bergerak ke kanan dalam satu barisan, ke kanan pusing
37. Dari kiri cepat jalan
38. Bergerak ke kanan dalam satu barisan, ke belakang pusing
39. Tukar langkah semasa berjalan, tukar langkah (tiga kali berturut-turut)
40. Bergerak ke kanan dalam satu barisan, ke belakang pusing
41. Tukar langkah semasa berjalan, tukar langkah (tiga kali berturut-turut)
42. Hormat selaku terima sijil, hormat ke hadapan, hormat (2 kali)
43. Skuad henti
44. Skuad akan menghadap ke hadapan, ke kanan/ke kiri pusing
45. Dari kanan cepat jalan
46. Hentak kaki atau skuad henti
47. Skuad akan mara menghadap dari tengah cepat jalan (langkah sebanyak 14 langkah dan henti)
48. Ke kanan lurus
49. Pandang ke hadapan

Penutup

Ketua skuad melapor (hormat) ujian telah siap – minta kebenaran keluar baris – tuan

BAHAGIAN II

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN PERTANDINGAN ASPEK-ASPEK PERKHEMAHAN

AM

1. Pertandingan aspek-aspek perkhemahan akan diadakan seiring dengan Pertandingan Pertolongan Cemas Kebangsaan dan dipertandingkan antara Cawangan.
2. Para peserta yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini akan terdiri daripada peserta yang sama yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Pertolongan Cemas iaitu seramai 12 peserta:
 - a. PBS – 6 orang
 - b. Belia – 6 orang
3. Pasukan yang memperolehi markah yang tertinggi sekali dalam bahagian ini akan menjadi Johan Pertandingan aspek-aspek perkhemahan.
4. Markah yang diperolehi daripada bahagian ini akan dicantum dengan markah yang diperolehi markah hasil daripada cantuman kedua-dua acara tersebut akan menjadi Johan keseluruhan bagi Pertandingan tahun ini
5. Hakim-hakim yang berkecuali dan mahir dalam bidang-bidang yang berkenaan akan dilantik
6. Pertandingan dalam bahagian ini akan terbahagi kepada tiga acara:
 - a. Hiasan Perkhemahan
 - b. Persembahan Kebudayaan
 - c. Larian Berhalangan

HIASAN PERKHEMAHAN

AM

7. Pertandingan Hiasan Perkhemahan akan bermula sebaik sahaja pasukan-pasukan mula mendirikan khemah masing-masing sehinggalah hari terakhir.
8. Pihak penganjur akan menentukan tapak khemah pasukan masing-masing melalui cabutan undi.

9. Peserta wanita akan tinggal di khemah yang berasingan dengan lelaki

PERALATAN KHEMAH

10. Urusan mendapat khemah secara sewa di tempat perkhemahan akan dikendalikan oleh pihak penganjur. Jika khemah tidak boleh diperolehi oleh pihak penganjur, pasukan hendaklah membawa khemah mereka masing-masing

PEMBERIAN MARKAH

11. Markah akan diberi berdasarkan kepada ciri-ciri berikut:

- a. Kecantikan – 25 Markah
Menonjolkan keaslian dan kreativiti
- b. Kebersihan – 25 Markah
Penting menjaga kebersihan setiap masa sama ada berada dalam khemah ataupun luar khemah
- c. Kemuafakatan – 50 Markah
Bekerjasama antara anggota, tolong-menolong dalam semangat muhibah dan kemesraan serta mempunyai semangat berpasukan yang tinggi.

12. Markah penuh daripada bahagian ini adalah 100.

PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN

13. Setiap Cawangan dikehendaki menyertai secara kumpulan persembahan berikut:

- a. Perseorangan (solo)
- b. Persembahan Kumpulan

14. Pasukan dibenarkan menyampaikan salah satu segmen seperti drama tari, drama pendek, pentomin, lawak jenaka dan sebagainya.

15. Tempoh masa yang dibenarkan bagi tiap-tiap persembahan tidak melebihi daripada 10 minit.

16. Persembahan kebudayaan hendaklah berteraskan ciri-ciri kebangsaan atau Bulan Sabit Merah Malaysia dan tidak menyentuh soal sensitive perkauman, agama dan politik selaras dengan Prinsip-prinsip Asas Pergerakan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Sedunia.



PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA
(*Malaysian Red Crescent Society*)

SENARAI SEMAK BAGI JAWATANKUASA PENGANJUR PERTANDINGAN
PERTOLONGAN CEMAS KEBANGSAAN

A. PENTADBIRAN

TANDA SEMAK (√)

- | | |
|---|--------------------------|
| 1. Panduan Pertandingan | <input type="checkbox"/> |
| 2. Surat-menyurat dengan Ibu Pejabat Kebangsaan | <input type="checkbox"/> |
| 3. Penubuhan Jawatankuasa Kecil | <input type="checkbox"/> |
| 4. Mesyuarat dengan berbagai Jawatankuasa Kecil sebelum persediaan pertandingan | <input type="checkbox"/> |
| 5. Persediaan perasmian pembukaan/penutup | <input type="checkbox"/> |
| 6. Tempat mesti ditetapkan – pastikan kemudahan di tempat tersebut | <input type="checkbox"/> |
| 7. Menyiapkan dan menyerahkan perbelanjaan | <input type="checkbox"/> |
| 8. Membekal makanan | <input type="checkbox"/> |
| 9. Keperluan pengangkutan | <input type="checkbox"/> |
| 10. Penginapan peserta | <input type="checkbox"/> |
| 11. Aspek teknikal pertandingan | <input type="checkbox"/> |
| 12. Peralatan bagi pertandingan | <input type="checkbox"/> |
| 13. Publisit dan perhubungan awam | <input type="checkbox"/> |
| 14. Sumber tenaga manusia | <input type="checkbox"/> |
| | <input type="checkbox"/> |

15. Sambutan peserta dan para tetamu

16. Kebajikan rekreasi

17. Keselamatan

18. Mengalu-alukan dan memberi penerangan kepada peserta dan pemimpin

B. PENGINAPAN

TANDA SEMAK (√)

1. Persediaan keperluan penginapan

2. Khemah (Tempat tidur – katil/tilam/bantal/cadar)

3. Tandas (Mencukupi dan dalam keadaan yang baik)

4. Tempat mandi (Mencukupi dan dalam keadaan yang baik)

5. Lampu – kipas, poin elektrik, powerpoint mencukupi

6. Keselamatan

7. Tanda tempat tidur mengikut Cawangan

8. Kebersihan

C. MAKANAN

TANDA SEMAK (√)

1. Pembekal makanan – masak/bungkus

2. Menu harian

3. Perbelanjaan

4. Masa makanan ditetapkan

5. Kad makanan

6. Kupon minuman

7. Kebersihan

D. PENANGKUTAN

TANDA SEMAK (√)

1. Jenis pengangkutan
2. Jadual pengangkutan
3. Sambutan – menemui peserta-peserta di perhentian bas/
stesen kereta api/perhentian teksi/lapangan terbang

E. PUBLISITI DAN PERHUBUNGAN AWAM

TANDA SEMAK (√)

1. Sepanduk-sepanduk
2. Bendera Bulan Sabit
3. Bendera Kebangsaan dan Negeri
4. Buku Cenderamata
5. Foto Kumpulan/Foto Pertandingan
6. RTM/Pemberita
7. Perhubungan awam dengan peserta dan para tetamu
8. Memastikan ada pembesar suara

F. KEBAJIKAN DAN REKREASI

TANDA SEMAK (√)

1. Surau
2. Bilik Rawatan
3. Perjumpaan
4. Tayangan Gambar
5. Rekreasi – Sukan/Sosial
6. Melawat tempat pelancongan

G. TEKNIKAL

TANDA SEMAK (√)

1. Menentukan Hakim-hakim
2. Hukuman Kawad dari tentera
3. Stewards – Pandu Puteri/Pengakap
4. Doktor-doktor/Permeriksa-pemeriksa
5. Pembantu Perubatan Hospital dan Jururawat

H. PERALATAN BAGI PERTANDINGAN

TANDA SEMAK (√)

1. Kit alat solek
2. Telefon
3. Penyamar-penyamar solekan
4. Jam (Stopwatch)
5. Pengusung
6. Gebar
7. Kit Pertolongan Cemas
8. Tempat sesuai untuk kawad
9. Garis panduan bagi Hakim-hakim